

# BULETIN JSG

Buletin Jabatan Sains Gunaan,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



**KUALITI | AKADEMIK | PROGRAM | AKTIVITI**

ISSN 2289-8964



Bil 1 2024 | ISSN 2289-8964

9 772289 896001



# Dari meja **KOORDINATOR**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera.*

Segala puji bagi Allah SWT, yang telah memungkinkan penerbitan Buletin Jabatan Sains Gunaan (JSG) edisi 2024 ini.

Penerbitan buletin ini adalah sangat penting sebagai salah satu platform perkongsian maklumat berkenaan aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan oleh JSG sepanjang separuh penggal sesi 2023. Justeru, penerbitan buletin ini adalah untuk menyediakan maklumat terkini berkaitan dengan JSG agar ia dapat menjadi sebahagian sumber maklumat serta sebagai bahan rujukan penting yang boleh dikongsi bersama.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ketua unit penerbitan JSG dan semua ahli sidang redaksi kerana telah berjaya menerbitkan Buletin JSG Edisi 2024 ini. Usaha murni ini merupakan satu saluran kepada pensyarah JSG khususnya untuk menghasilkan penulisan ilmiah dan kajian mereka. Peluang seperti ini bukan sahaja dapat memperkembangkan profesionalisme, malah menghasilkan pensyarah yang mampu memberi sumbangan dalam bidang penulisan ilmiah.

Akhir kata, saya mewakili Jabatan Sains Gunaan sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan dan komen daripada ahli-ahli JSG dan warga UiTM bagi mempertingkatkan keupayaan JSG supaya terus menjadi organisasi yang sentiasa relevan khususnya dalam memertabatkan ilmu sains di UiTM. Selain itu, saya ingin mengucapkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penerbitan Buletin Jabatan Sains Gunaan 2024. Semoga semangat keberterusan ini menjadi tersemat dalam kalangan pensyarah JSG.

Terima kasih, Wassalam.

*Dr. Mohd Muzafa Jumidali*  
Koordinator  
Jabatan Sains Gunaan  
UiTM Cawangan Pulau Pinang